

ANALISIS BIBLIOMETIC 2018-2023 : KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN LELAKI DEWASA DARI PERSEPTIF KERJA SOSIAL PERUBATAN

Gloria Paya Webber, Alisya Lisa Hadil, Francilla Jimmen , Esterfania Venissa Anak Johon, Rosnah binti Abdul Hamid, Mohd Haazik Mohamed*

alisyalisa100301@gmail.com, gloriapaya89@gmail.com, francillajimmen17@gmail.com,
venissaesterfania1909@gmail.com, rosnahhamid478@gmail.com
Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author's e-mail: haazik@ums.edu.my

Received date: 20 November 2024 / Accepted date: 23 December 2024

Abstrak Kesihatan mental merupakan masalah global yang dihadapi oleh semua lapisan masyarakat termasuk kaum lelaki. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada jenis kesihatan mental tinggi yang dihadapi oleh kaum lelaki pada tahun 2019 hingga 2024 dan melihat faktor-faktor yang menjadi penyumbang utama kepada masalah ini. Penerbitan berkaitan kesihatan mental dalam kalangan lelaki diambil daripada laman web Scopus melalui pemilihan kata kunci yang bersesuaian dengan tajuk serta skop kajian. Seterusnya, Vosviewer digunakan untuk mendapatkan data analisis bibliometrik serta visual analisis. Secara Keseluruhannya, sebanyak 4,789 dokumen yang berkaitan dengan kesihatan mental dalam kalangan lelaki yang dikenalpasti dan artikel memiliki jumlah penerbitan yang tertinggi iaitu sebanyak 4,333. Negara United States, United Kingdom dan Australia memiliki bilangan penerbitan dokumen yang tertinggi masing-masing 1692, 406, dan 334 menunjukkan sumbangan yang besar dalam penerbitan. Penerbitan mengikut bidang subjek didahului oleh Sains Sosial sebanyak 1065 penerbitan bidang, diikuti dengan perubatan sebanyak 652, manakala terdapat bidang luar juga mengambil bahagian dalam penerbitan seperti Biokimia & Biologi Molekul sebanyak 5%. Dari aspek kata kunci, Kesihatan mental (“depression”, “mental health” dan “anxiety”) merupakan top 2 kata kunci diikuti dengan faktor penyumbang iaitu Human Immunodeficiency Virus (HIV), COVID-19, Kualiti hidup, bunuh diri dan ketidakfungsian erektil. Hasil dapatan dibincangkan berdasarkan pengaruh pandemik covid-19, isu kesihatan seksual, pengguna bahan dan pengaruh kualiti hidup terhadap kemurungan dan kebimbangan dalam kalangan lelaki dan membincangkan perspektif Pekerja Sosial Perubatan dalam kajian ini.

Kata Kunci : Bibliometrik, Kesihatan Mental, Lelaki, Vosviewer

Abstract Mental health is a global issue faced by all layers of society, including men. Therefore, this study focuses on the types of prevalent mental health issues among men from 2018 to 2023 and examines the key contributing factors to these problems. Publications related to men's mental health were sourced from the Scopus website through the selection of keywords relevant to the title and scope of the study. Subsequently, Vosviewer was used to obtain bibliometric analysis data as well as visual analytics. Overall, 4,789 documents related to men's mental health were identified, with articles constituting the highest number of publications, totaling 4,333. The United States, United Kingdom, and Australia were the top countries contributing to publications, with 1,692, 406, and 334 documents, respectively, indicating significant contributions to the field. Publications by subject areas were led by Social Sciences with 1,065 publications, followed by Medicine with 652. Additionally, other fields such as Biochemistry & Molecular Biology also participated with 5% of the publications. From a keyword perspective, “mental health” (e.g., “depression,” “mental health,” and “anxiety”) emerged as the top terms, followed by contributing factors such as Human Immunodeficiency Virus (HIV), COVID-19, quality of life, suicide, and erectile dysfunction. The findings are discussed in the context of the influence of the COVID-19 pandemic, sexual health issues, substance use, and the impact of quality of life on depression and anxiety among men. The study also highlights the perspectives of Medical Social Workers on these issues.

Keywords: Bibliometric, Mental Health, Men, Vosviewer

PENGENALAN

Kajian ini berfokuskan kepada Kesihatan Mental dalam Kalangan Lelaki. Menurut World Health Organization (2018), kesihatan adalah satu keadaan atau aspek kesejahteraan fizikal, mental, dan rohani serta sosial. Ketiga-tiga aspek ini perlu dipenuhi oleh setiap individu bagi mencapai tahap kesihatan yang optimum. Manakala, Kesihatan mental pula merujuk kepada satu keadaan di mana seseorang individu menyedari kebolehan dirinya iaitu boleh menghadapi tekanan hidup yang normal, boleh bekerja dengan produktif serta mampu

memberikan sumbangan kepada komuniti World Health Organization (2018). Kesihatan mental dalam kalangan lelaki adalah aspek penjagaan kesihatan yang penting tetapi sering diabaikan, dengan implikasi yang signifikan terhadap kesihatan diri dan masyarakat secara keseluruhannya.

Walaupun gangguan kesihatan mental memberi kesan kepada semua individu tanpa mengira jantina, penyelidikan menunjukkan bahawa lelaki turut menghadapi cabaran tersendiri dalam mengenali dan menguruskan isu-isu ini. Oleh sebab itu, lelaki cenderung kurang mencari bantuan profesional atau berkongsi cabaran emosi mereka berbanding wanita, walaupun

kesedaran terhadap cabaran kesihatan mental semakin meningkat di seluruh dunia (Krumm et al., 2017).

Namun begitu, Kesihatan Mental dalam Kalangan Lelaki juga merupakan kesihatan emosi, psikologi, dan sosial mereka. Selain itu, ia termasuk dengan keupayaan lelaki untuk menguruskan tekanan, emosi, dan masalah psikologi tanpa mengabaikan aspek sosial. Rentetan daripada itu, kesihatan mental juga merupakan aspek yang penting dalam kesejahteraan keseluruhan individu, termasuk lelaki. Namun demikian, walaupun isu ini telah mendapat perhatian yang semakin meningkat dalam beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat banyak cabaran dan halangan yang unik bagi lelaki dalam mendapatkan bantuan untuk masalah kesihatan mental.

Menurut World Health (2020) menunjukkan bahawa hampir $\frac{3}{4}$ bersamaan dengan 75% daripada orang yang mengalami gangguan kesihatan mental tidak mendapatkan rawatan, dan ini termasuk ramai dalam kalangan lelaki yang enggan mencari bantuan profesional. Kesihatan mental merupakan aspek yang penting dalam kesejahteraan individu, namun demikian, masalah kesihatan mental seperti depresi dan kebimbangan kerap kali terpinggir dalam kalangan lelaki. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, ia disebabkan oleh stigma sosial dan persepsi yang salah mengenai maskuliniti. Oleh itu, dalam memahami dan mengatasi isu ini adalah sangat kritikal bagi memastikan kesejahteraan mental yang holistik dan inklusif dalam masyarakat kini. Selain daripada itu, masalah kesihatan mental seperti depresi dan kebimbangan semakin meningkat dalam kalangan lelaki disebabkan oleh sering dikaitkan dengan stigma sosial dan persepsi yang menganggap lelaki harus kuat dan stabil secara emosi. Tambahan pula, tekanan untuk memenuhi stereotaip maskuliniti ini yang menyebabkan ramai lelaki enggan mencari bantuan atau mengakui masalah kesihatan mental mereka. Namun demikian, jika mereka masih berterusan untuk enggan mencari bantuan atau mengaku mengenai masalah ini, maka ia akan memburukkan lagi keadaan kesihatan mental mereka. Di samping itu, menurut kajian daripada (Mahalik, Burns, dan Syzdek., 2007), mengatakan bahawa lelaki yang sangat mematuhi norma maskuliniti tradisional cenderung untuk melaporkan tahap depresi dan kebimbangan yang lebih tinggi. Justeru, stigma yang dikaitkan dengan kesihatan mental juga telah menghalang lelaki daripada mendapatkan sokongan profesional, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh (Vogel, D. L., Wade, N. G., & Hackler, A. H., 2007), mengenai hambatan kepada pencarian bantuan psikologi dalam kalangan lelaki.

Bukan itu sahaja, wujudnya suatu persepsi ini juga telah membawa kepada lelaki untuk tidak menunjukkan kelemahan emosi sehingga mereka sanggup untuk menyembunyikan gejala-gejala kesihatan mental, yang mengakibatkan mereka ini mengalami kekurangan intervensi awal dan rawatan yang sesuai. Oleh sebab itu, isu ini sangat berpotensi untuk membawa kepada kesan jangka masa yang panjang dan sangat membawa kepada perkara yang serius, seperti peningkatan risiko bunuh diri. Menurut Menurut World Health Organization (2021), kadar bunuh diri dalam kalangan lelaki adalah tiga kali ganda lebih tinggi berbanding dengan wanita, yang mencerminkan betapa seriusnya masalah ini. Tambahan pula, disebabkan oleh isu ini harus diambil serius, maka ia adalah penting untuk mengubah persepsi sosial dan mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental dalam kalangan lelaki demi memastikan golongan ini sentiasa mendapatkan sokongan dan rawatan yang diperlukan. Menurut (Seidler et al., 2016), juga menekankan keperluan untuk program kesihatan mental yang lebih inklusif dan sensitif jantina, yang mengambil kira norma-norma maskuliniti dan menawarkan pendekatan yang lebih diterima oleh lelaki. Contohnya, melakukan intervensi seperti kempen kesedaran, pendidikan masyarakat, dan penyediaan ruang yang selamat

untuk lelaki membincangkan masalah kesihatan mental mereka tanpa takut dihakimi. Oleh sebab itu, dengan pelbagai cara ini penting bagi menangani masalah ini. Namun demikian, dalam jangka masa yang panjang, pendekatan yang lebih holistik dan inklusif dalam menangani kesihatan mental lelaki ini diharapkan mampu demi membantu mengurangkan prevalensi depresi dan kebimbangan serta meningkatkan kesejahteraan keseluruhan mereka.

Selain daripada itu, isu permasalahan kesihatan mental dalam kalangan lelaki juga mula meningkat iaitu tekanan emosi yang berlebihan akibat daripada COVID-19, masalah kesihatan seksual seperti disfungsi ereksi, dan penggunaan bahan terlarang seperti, alkohol, dadah, dan rokok. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kesan daripada pandemik COVID-19 ini telah menyumbang kepada kemerosotan ekonomi sehingga menyebabkan kadar pengangguran semakin meningkat, kesepian, dan tekanan tempat pekerjaan, yang mengakibatkan peningkatan kadar depresi dan kebimbangan dalam kalangan lelaki (Hammami et al., 2020). Selain daripada itu, punca timbulnya masalah kesihatan mental dalam kalangan lelaki juga boleh berlaku disebabkan oleh masalah kesihatan seksual seperti disfungsi ereksi yang dapat memberikan kesan yang besar kepada harga diri dan kesejahteraan psikologi lelaki. Pernyataan ini telah disokong oleh (Fisher et al., 2020), yang menyatakan bahawa lelaki dengan disfungsi ereksi cenderung mengalami tahap depresi dan kebimbangan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak menghadapi masalah tersebut. Namun begitu, tidak lupa juga dengan penggunaan bahan terlarang yang sering digunakan oleh lelaki yang menganggap dengan cara ini mampu menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Contohnya, seperti merokok, mengambil minuman keras, dan dadah yang mampu memburukkan lagi masalah kesihatan mental mereka.

Menurut (Koob dan Volkow, 2020), lelaki lebih terdedah kepada penggunaan alkohol dan dadah bagi mengatasi tekanan emosi, tetapi akhirnya hanya memperburuk masalah kesihatan mental dan menambah risiko ketagihan. Namun begitu, akibat berlakunya Pandemik COVID-19 ini juga punca peningkatan dalam penggunaan bahan-bahan ini sebagai cara untuk mengatasi tekanan dan ketidakpastian yang dihadapi (Clay & Parker, 2020). Selain itu, penggunaan rokok juga dikaitkan dengan peningkatan risiko masalah kesihatan mental, seperti yang dibuktikan oleh kajian oleh (Fluharty et al., 2017), yang mendapati bahawa perokok cenderung mempunyai kadar depresi dan kebimbangan yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, tekanan emosi yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, masalah kesihatan seksual, dan penggunaan bahan berbahaya semuanya menyumbang kepada peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan lelaki. Pendekatan holistik yang merangkumi sokongan psikososial, rawatan masalah kesihatan seksual, dan program pengurangan penggunaan bahan adalah penting untuk menangani masalah ini dengan berkesan. Ini termasuk menyediakan akses kepada kaunseling dan terapi, meningkatkan kesedaran mengenai kesan negatif penggunaan bahan, serta menggalakkan gaya hidup sihat yang dapat membantu mengurangkan tekanan emosi dan meningkatkan kesejahteraan mental lelaki secara keseluruhan.

Oleh itu tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis secara saintifik topik penyelidikan mengenai kesihatan mental dalam kalangan lelaki yang telah dikaji selama lima tahun yang lalu (2018-2023).

TEORI/MODEL KESIHATAN YANG SESUAI

Teori yang sesuai untuk digunakan dalam tajuk “ Kesihatan Mental dalam Kalangan Lelaki” adalah Model Biopsikososial. Menurut (Engel, 1977), Model biopsikososial adalah pendekatan yang mendasari pemahaman holistik terhadap kesihatan dan penyakit, mengintegrasikan faktor-faktor biologi,

psikologi, dan sosial. Ini menekankan bahawa kesejahteraan individu dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor-faktor biologi seperti genetik dan proses biokimia, faktor psikologi seperti keadaan emosi dan sikap, serta faktor sosial seperti budaya dan sokongan sosial. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, model biopsikososial ini akan memberikan kerangka kerja yang penting dalam memahami kesihatan mental dalam kalangan lelaki dengan pendekatan holistik yang mengintegrasikan faktor-faktor biologi, psikologi, dan sosial. Contohnya, secara biologi, faktor seperti predisposisi genetik terhadap gangguan mental boleh mempengaruhi risiko lelaki untuk mengalami masalah seperti depresi atau kebimbangan (Duncan & Keller, 2020). Namun demikian, dari sisi psikologi, norma maskuliniti ini yang menekankan kekuatan dan penekanan terhadap pengawalan emosi sehingga mampu menyebabkan lelaki kurang cenderung untuk mengakui atau mencari rawatan terhadap masalah kesihatan mental yang mereka alami (Levant & Wimer, 2021). Faktor sosial pula seperti stigma terhadap kelemahan emosi dalam masyarakat dan kurangnya sokongan sosial yang terbuka juga berperanan dalam hal ini (Addis & Mahalik, 2003). Oleh sebab itu, dengan mengaplikasikan model biopsikososial, intervensi kesihatan mental yang berjaya perlu mengambil kira kepelbagaian faktor ini, termasuk pendedahan kepada pengurusan emosi yang positif, pemahaman terhadap kesan genetik dalam rawatan terapeutik, dan penguatan sokongan sosial dalam komuniti lelaki.

Di samping itu, teori Maslow juga merupakan teori yang sesuai untuk isu kesihatan mental dalam kalangan lelaki. Hal ini kerana, teori ini menggariskan keperluan asas manusia dan bagaimana kepuasan keperluan tersebut mempengaruhi kesihatan mental. Dalam konteks lelaki, faktor seperti rasa berharga, kebersihan diri, hubungan sosial yang sihat, dan pemenuhan potensi diri dapat memberi kesan positif terhadap kesihatan mental mereka. Bukan itu sahaja, teori keperluan Maslow juga sentiasa menyediakan kerangka kerja yang berguna dalam memahami kesihatan mental dalam kalangan lelaki. Contohnya, dengan menekankan keperluan asas dan pertumbuhan individu. Pada peringkat asas, lelaki perlu memenuhi keperluan fizikal seperti makanan, tempat tinggal, dan kesihatan yang baik sebelum dapat mencapai keperluan psikologi seperti rasa aman dan cinta kasih. Justeru itu, faktor-faktor sosial juga penting, termasuk sokongan dari keluarga dan komuniti, yang akhirnya akan membentuk asas kesihatan mental yang kukuh. Menurut (Maslow, 1943), ia lebih menyarankan bahawa individu yang tidak dapat memenuhi keperluan asas ini mungkin akan menghadapi tekanan psikologi yang lebih besar, termasuk kebimbangan dan depresi. Oleh sebab itu, bagi lelaki, yang sering kali diharapkan untuk menunjukkan kekuatan dan ketegasan, tekanan untuk memenuhi norma maskuliniti boleh menghalang mereka daripada mengakui dan mencari rawatan untuk masalah kesihatan mental. Oleh itu, dengan memahami hierarki keperluan Maslow sekurang-kurangnya dapat membantu profesional kesihatan mental merancang intervensi yang lebih berkesan dengan mengambil kira keperluan asas serta faktor psikososial yang mempengaruhi kesejahteraan lelaki secara holistik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis bibliometrik untuk mengumpul dan menganalisis data-data dan maklumat berkenaan topik kajian iaitu "Kesihatan Mental dalam Kalangan Lelaki". Kaedah ini melibatkan analisis berbentuk kuantitatif dalam pengukuran data dalam literatur dan ia juga boleh digunakan untuk menghasilkan pernyataan kualitatif tentang kajian-kajian saintifik (Jing et. al, 2023). Analisis bibliometrik cenderung menggunakan alat statistik untuk menilai hasil kajian sama ada di peringkat individu, organisasi,

atau negara bagi memperoleh maklumat mengenai keadaan semasa kajian dalam bidang-bidang tertentu (Chen et. al, 2023).

Antara manfaat atau kelebihan kaedah ini ialah, ia dapat membantu para pengkaji untuk mencari dan menganalisis suatu kajian dengan pantas, tepat, relevan dan mudah (Wang et. al, 2024). Analisis bibliometrik turut melibatkan penggunaan teknologi moden termasuk grafik dan kesan visual yang menarik, di samping dapat membantu melengkapkan analisis literatur dengan mudah. Dai, Wang & Xu (2022), menyatakan bahawa kaedah visualisasi dalam kaedah bibliometrik membantu dalam penafsiran data-data dengan lebih berkesan dan mempengaruhi hasil kajian supaya lebih komprehensif. Secara ringkasnya, analisis bibliometrik telah digunakan sebagai alat utama untuk menganalisis kajian-kajian sedia ada dengan bantuan perisian VOSviewer. Perisian ini telah digunakan secara meluas dan diiktiraf sebagai salah satu aplikasi yang paling banyak digunakan untuk tujuan kajian saintifik di seluruh dunia (Krauskopf 2018; Holman et al., 2018).

Beberapa set data dari Scopus telah dipilih untuk digunakan dalam analisis bibliometrik kajian ini. Scopus merupakan pangkalan sumber-sumber data berbentuk digital yang berkualiti tinggi dan merangkumi kajian dalam pelbagai bidang (Merigo & Yang, 2017). Scopus juga adalah satu daripada *multidisciplinary database* terbesar di dunia yang banyak digunakan dalam pelbagai bidang penyelidikan bibliografi (Ahmad et. al, 2019). Penggunaan pangkalan data yang tepat dengan maklumat dan data yang relevan sangat penting dalam memastikan analisis dapat dijalankan secara menyeluruh. Selain itu, Scopus juga dipilih sebagai pangkalan data utama untuk mengumpul maklumat kajian ini kerana jika dibandingkan dengan pangkalan data yang lain, Scopus mengandungi maklumat literatur yang komprehensif serta menyediakan data yang lebih sesuai untuk analisis VOSviewer (Ding & Zang, 2020). Semasa tempoh pencarian jurnal artikel yang berkaitan dengan topik kajian menggunakan Scopus, pengkaji telah membuat tapisan dan memilih jurnal artikel yang memenuhi kriteria utama kajian dengan mengenalpasti beberapa kata kunci (*keywords*) yang berkaitan serta malaraskan pencarian artikel dari tahun penerbitan bermula dari tahun 2018 sehingga 2023.

Pengkaji menggunakan pangkalan data Scopus untuk mencari literatur yang sesuai dengan tajuk kajian sebelum menjalankan analisis bibliometrik. Memandangkan kajian ini memfokuskan pada "Kesihatan Mental dalam kalangan Lelaki", dua elemen tersebut iaitu "kesihatan mental" dan "lelaki" ditekankan dalam pencarian kata kunci. Beberapa set kata kunci telah digunakan untuk membuat carian dokumen dan data-data berkaitan. Berikut merupakan rentetan kata kunci khusus yang digunakan dalam kajian ini:

```
( TITLE-ABS-KEY ( depression AND in AND men ) OR TITLE-ABS-KEY ( anxiety AND disorders AND in AND men ) OR TITLE-ABS-KEY ( male AND suicide AND rates ) OR TITLE-ABS-KEY ( men's AND mental AND health AND stigma ) OR TITLE-ABS-KEY ( male-specific AND mental AND health ) OR TITLE-ABS-KEY ( ptsd AND in AND men ) OR TITLE-ABS-KEY ( emotional AND expression AND in AND men ) OR TITLE-ABS-KEY ( workplace AND mental AND health AND for AND men ) OR TITLE-ABS-KEY ( mental AND health AND screening AND for AND men ) OR TITLE-ABS-KEY ( male AND depression AND symptoms ) OR TITLE-ABS-KEY ( toxic AND masculinity AND mental AND health ) OR TITLE-ABS-KEY ( men's AND mental AND health AND awareness ) OR TITLE-ABS-KEY ( substance AND abuse AND in AND men ) ) AND PUBYEAR > 2018 AND PUBYEAR < 2024
```

Data-data tersebut dimuat turun, dikumpul kemudian disimpan dalam satu fail berbentuk (CSV), yang mana ia merangkumi maklumat-maklumat seperti "Maklumat sitasi," "Maklumat bibliografik," "Abstrak & Kata Kunci" serta "Rujukan". Seterusnya, data tersebut digunakan untuk pelbagai jenis analisis seperti analisis penulis atau pengarang, analisis negara, analisis rangkaian kata kunci, serta analisis sitasi dan sumber seperti peta rangkaian jurnal saintifik. Tahun penerbitan data-data tersebut ditetapkan bermula dari tahun 2018 sehingga 2024.

ketara dalam bilangan penerbitan tahunan dan jumlah petikan.

Fasa 1 (2019-2021): Pertumbuhan Mantap dan Puncak dalam Penerbitan

Dalam tempoh ini, terdapat pertumbuhan mantap awal dalam kedua-dua bilangan penerbitan tahunan dan jumlah petikan, dengan kemuncak dalam penerbitan berlaku pada 2021. Pada 2019, bilangan penerbitan tahunan ialah 740, disertai 9,890 petikan. Arah aliran menaik ini berterusan sehingga 2020, dengan bilangan penerbitan meningkat kepada 870, walaupun jumlah petikan menurun sedikit kepada 8,659. Tahun 2021 menandakan kemuncak fasa ini, dengan penerbitan tahunan mencecah 1,065. Lonjakan besar dalam penerbitan pada tahun 2021 sebahagian besarnya didorong oleh karya yang diterbitkan dalam BMJ CASE REPORTS dengan 35 dokumen. Walau bagaimanapun, walaupun terdapat peningkatan dalam penerbitan, jumlah petikan terus berkurangan kepada 7,308. Fasa ini mungkin termasuk beberapa kertas mani yang menyumbang dengan ketara kepada bidang ini, meletakkan asas yang kukuh untuk penyelidikan seterusnya.

HASIL TINJAUAN

Analisis Output Penerbitan


Sebanyak 4,789 dokumen yang diterbitkan antara tahun 2019 dan 2024 yang menepati kriteria kami (seperti ditunjukkan dalam Rajah 1). Sebahagian besar (4,333) adalah artikel penyelidikan, tetapi terdapat juga ulasan (316), surat (79), nota (44), kertas persidangan (18), bab buku (14), editorial (9), tinjauan pendek (8), dan sebilangan kecil errata (6) dan artikel ditarik balik (1). penerbitan pertama muncul pada 2019, dengan bilangan penerbitan meningkat dengan ketara dari 2019 hingga 2021, menunjukkan trend penerbitan yang semakin meningkat dalam tempoh ini. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan dalam bilangan penerbitan selepas 2021.

Fasa 2 (2022-2023): Penurunan dalam Penerbitan dan Petikan

Fasa kedua menunjukkan penurunan ketara dalam kedua-dua penerbitan tahunan dan jumlah petikan. Pada tahun 2022, bilangan penerbitan menurun kepada 939, dengan penurunan ketara dalam jumlah petikan kepada 3,612. Arah aliran menurun ini berterusan sehingga 2023, dengan penerbitan terus menurun kepada 818 dan jumlah petikan jatuh mendadak kepada 1,040. Fasa ini mungkin mencerminkan anjakan dalam keutamaan penyelidikan, mungkin dipengaruhi oleh faktor luaran atau perubahan dalam pembiayaan penyelidikan dan bidang tumpuan.

Fasa 3 (2024): Penurunan Ketara dalam Kedua-dua Penerbitan dan Petikan

Fasa terbaharu, diwakili oleh tahun 2024, menunjukkan penurunan yang berterusan dan ketara dalam kedua-dua bilangan penerbitan tahunan dan jumlah petikan. Bilangan penerbitan menurun dengan ketara kepada 396 dan jumlah petikan menjunam kepada 100. Tempoh ini mungkin menunjukkan peralihan atau peralihan besar dalam landskap penyelidikan, mungkin disebabkan oleh metodologi penyelidikan yang berubah, minat akademik yang berubah atau faktor sosio-ekonomi luaran yang memberi kesan kepada hasil Penyelidikan.




Rajah 1: Jumlah Dokumen Mengikut Jenis

Aliran penerbitan dalam bidang ini dari 2019 hingga 2024 boleh dibahagikan kepada tiga fasa (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2) berbeza, setiap satu dicirikan oleh perubahan

Rajah 2: Aliran jumlah artikel dari tahun 2018-2023 dan jumlah kekerapan artikel dipetik.

Hampir semua penerbitan artikel (4828) adalah dalam bahasa Inggeris, dengan Penulis dari 132 negara atau wilayah yang berbeza. Artikel-artikel ini telah ditulis oleh 4828 Penulis daripada 52 organisasi

ialah Amerika Syarikat (n = 1692), United Kingdom (n = 406)




dan Australia (n = 361). Mengikut rapat di belakang ialah Kanada (n = 334) dan China (n = 334), menunjukkan hasil



Rajah 3: a) rangkaian kerja sama institusi

penyelidikan yang besar dari wilayah ini.



Rajah 3: b) Rangkaian Kerjasama antara negara

Taburan kesihatan mental di kalangan lelaki negara/rantau ditunjukkan dalam *Jadual 1*. Berdasarkan data daripada keputusan Scopus, analisis dokumen yang diterbitkan mendedahkan sumbangan penting dari pelbagai negara. Tiga negara terkemuka dari segi bilangan dokumen yang diterbitkan


Selain itu, beberapa negara lain mempamerkan bilangan penerbitan yang ketara, termasuk Jepun (n = 256), Itali (n = 253), Jerman (n = 199) dan Sepanyol (n = 139). Negara-negara ini mencerminkan kawasan geografi yang pelbagai dan menyerlahkan pengedaran global aktiviti penyelidikan.

Analisis lanjut mendedahkan pelbagai kiraan

penerbitan antara negara yang berbeza. Terutama, Korea Selatan (n = 118), Belanda (n = 110), Iran (n = 108) dan Turki (n = 105) menyumbang dengan ketara kepada keseluruhan keluaran penerbitan.

Selain itu, tiga puluh enam negara merekodkan nombor penerbitan antara 10 dan 100 dokumen, menunjukkan tahap aktiviti penyelidikan yang berbeza-beza merentasi

Afrika, seperti Burundi, Gambia, Mozambique, Namibia, Rwanda dan Sudan, menekankan keperluan untuk pembangunan penyelidikan dan kerjasama lanjut di wilayah ini.



wilayah yang berbeza. Selain itu, beberapa negara dengan hanya satu penerbitan terutamanya berasal dari negara

Rajah4: Pengedaran bilangan dokumen dalam kajian kesihatan mental dalam kalangan lelaki. Warna kelabu menunjukkan negara yang tiada data tersedia.

Kategori subjek

Sepanjang lima tahun, data menunjukkan tumpuan yang konsisten pada tiga bidang subjek utama. Analisis aliran penerbitan kami dalam data yang diperolehi (2018-2023) mendedahkan landskap penyelidikan dinamik yang dicirikan oleh kedua-dua kegigihan dan perubahan merentas pelbagai bidang subjek. Perubahan muncul sebagai peneraju yang konsisten dalam jumlah penerbitan, walaupun trend menurun sedikit diperhatikan dari 2019 (652 penerbitan) hingga 2024 (351 penerbitan). Ini menunjukkan potensi penstabilan atau penumpuan semula usaha penyelidikan dalam bidang perubahan.

Sains Sosial pada mulanya mendominasi landskap penerbitan, mencapai kemuncaknya pada 2021 (1065 penerbitan). Walau bagaimanapun, penurunan seterusnya dan ketara memerlukan siasatan lanjut. Corak ini mungkin menunjukkan perubahan dalam keutamaan penyelidikan dalam domain luas Sains Sosial, dengan penyelidik berpotensi tertarik ke arah subbidang yang baru muncul atau metodologi alternatif. Psikologi, sebaliknya, mempamerkan trajektori penerbitan yang lebih stabil, dengan peningkatan sederhana daripada 119 penerbitan pada 2019 kepada 61 penerbitan pada 2024.


Di luar bidang teras ini, bidang yang mantap seperti Kejururawatan, Farmakologi dan Biokimia & Biologi Molekul

menunjukkan aktiviti penerbitan yang konsisten dengan beberapa variasi tahun ke tahun. Terutama sekali, Sains Alam Sekitar memaparkan peningkatan yang ketara, terutamanya dari 2019 (10 penerbitan) hingga 2021 (31 penerbitan).


Aliran ini sejajar dengan perhatian global yang semakin meningkat terhadap cabaran alam sekitar dan menggariskan potensi lonjakan dalam usaha penyelidikan untuk menangani isu ini. Serupa, walaupun kurang ketara, peningkatan diperhatikan dalam Kejuruteraan dan Ekonomi & Kewangan, mencadangkan minat penyelidikan yang baru muncul dalam bidang ini.

Data mendedahkan aktiviti penerbitan terhad dalam bidang tertentu seperti Perniagaan, Pengurusan & Perakaunan, Pergigian dan Sains Komputer. Ini mungkin disebabkan oleh kriteria carian yang dipilih atau boleh mencerminkan kekurangan sebenar penyelidikan dalam domain ini berbanding dengan bidang tumpuan yang diserlahkan di atas.

Secara keseluruhan Perubahan mengekalkan kedudukan dominannya, Sains Sosial nampaknya sedang menjalani potensi memfokus semula usaha penyelidikan. Kemunculan Sains Alam Sekitar dan, sedikit sebanyak, Kejuruteraan dan Ekonomi & Kewangan, menandakan minat penyelidikan yang semakin meningkat dalam bidang ini.



Rajah 5: Analisis kategori subjek jurnal



Rajah 6: Pengagihan kategori subjek antara dokumen a) secara keseluruhan b) variasi temporal

Jadual 1 : 10 negara, institusi, Penulis teratas dengan penerbitan terbanyak

Penulis	Bilangan penerbitan	Jumlah petikan	Purata petikan
Oliffe, John L.	35	511	273
Rice, Simon M.	26	383	204.5
Kealy, David	22	373	197.5
Ogrodniczuk, John S.	21	337	179
Seidler, Zac E.	20	283	151.5
Gmel, Gerhard	17	150	83.5
Iverson, Grant L.	16	137	76.5
Studer, Joseph	16	148	82
Mayer, Kenneth H.	13	151	82
Salonia, Andrea	13	169	273

menduduki tempat ketiga, dengan 22 penerbitan dan 373 petikan, dengan purata 197.5 petikan setiap penerbitan. Penulis

Institusi	Bilangan penerbitan	Jumlah petikan	Purata petikan
Harvard Medical School, Boston, Ma, United States	23	272	147.5
School Of Nursing, University Of British Columbia, Vancouver, Bc, Canada	17	213	115
Department Of Physical Medicine And Rehabilitation, Harvard Medical School, Boston, Ma, United States	13	113	63
Department Of Psychiatry, Massachusetts General Hospital, Boston, Ma, United States	12	50	31
Department Of Psychiatry, University Of British Columbia, Vancouver, Bc, Canada	12	119	65.5
Department Of Psychiatry, University Of Toronto, Toronto, On, Canada	10	43	26.5
Addiction Switzerland, Lausanne, Switzerland	8	70	39
Department Of Mental Health, Johns Hopkins Bloomberg School Of Public Health, Baltimore, Md, United States	8	30	19
Department Of Psychiatry, Harvard Medical School, Boston, Ma, United States	8	60	34
Institute Of Clinical Medicine, University Of Oslo, Oslo, Norway	8	98	53

teratas ini menandakan sumbangan penting kepada bidang masing-masing. Rajah 5 menunjukkan rangkaian kerjasama antara Penulis. Untuk visualisasi yang lebih baik, rangkaian

Negara	Bilangan penerbitan	Jumlah petikan	Purata petikan
United States	1668	12797	7232.5
United Kingdom	402	4220	2311
Australia	358	3532	1945
Canada	332	3043	1687.5
China	330	1817	1073.5
Japan	254	714	484
Italy	250	2798	1524
Germany	199	2844	1521.5
Spain	137	1320	728.5
France	135	1888	1011.5

kerjasama Penulis menggambarkan hanya 173 Penulis dengan sekurang-kurangnya lima artikel.

Dari segi penulisan, John L. Oliffe muncul sebagai Penulis paling prolifik dengan 35 penerbitan dan 511 petikan, mencerminkan impak yang besar dengan purata 273 petikan bagi setiap penerbitan. Mengikuti rapat ialah Simon M. Rice, yang 26 penerbitannya memperoleh 383 petikan, dengan purata 204.5 petikan bagi setiap penerbitan. David Kealy

Beralih kepada sumbangan institusi, Sekolah Perubatan Harvard di Boston, MA, Amerika Syarikat, menonjol sebagai institusi terkemuka dengan 23 penerbitan dan 272 petikan. Ini menunjukkan hasil penyelidikan yang kukuh, dengan purata 147.5 petikan bagi setiap penerbitan. Sekolah

kejururawatan di Universiti British Columbia di Vancouver, BC, Kanada, diikuti dengan 17 penerbitan dan 213 petikan, dengan purata 115 petikan setiap penerbitan. Selain itu, Jabatan Perubatan Fizikal dan Pemulihan di Sekolah Perubatan Harvard menunjukkan aktiviti penyelidikan yang ketara, dengan 13 penerbitan dan 113 petikan.

penyelidikan dan impak yang besar, dengan purata 7232.5 petikan setiap penerbitan.


Berdasarkan jadual 1, ia menunjukkan bahawa di peringkat negara, Amerika Syarikat muncul sebagai kuasa dominan dalam penerbitan penyelidikan, dengan 1668 penerbitan dan 12797 petikan. Ini mencerminkan hasil



Rajah 7 : Analisis rangkaian penulis



Rajah 8: Analisis rangkaian organisasi



Kata Kunci	kekerapan	Kekuatan rangkaian
Depression	620	1597
Mental Health	285	766
Anxiety	244	722
Case Report	186	227
Hiv	153	429
Suicide	139	306
Prostate Cancer	132	324
Covid-19	127	314
Erectile Dysfunction	120	244
Quality Of Life	114	283
Men	107	306
Men Who Have Sex With Men	88	261
Depressive Symptoms	75	152
Testosterone	63	141
Substance Use	62	186
Masculinity	59	175
Trauma	59	132
Sexual Dysfunction	57	128
Ptsd	56	118
Schizophrenia	51	81

Analisis memfokuskan pada kata kunci Penulis yang terdapat dalam kertas kerja dengan sekurang-kurangnya 5 kejadian, menghasilkan sejumlah 587 kata kunci daripada 9739. Antaranya, "kemurungan" muncul sebagai kata kunci yang paling menonjol, dengan jumlah kekuatan pautan sebanyak 1597, diikuti dengan "kesihatan mental" (766), "kebimbangan" (722), "laporan kes" (227), "HIV" (429), "bunuh diri" (306), "kanser prostat" (324), "COVID-19" (314), "disfungsi erektil" (244) dan "kualiti hidup" (283).

Topik yang paling kerap dalam penerbitan berkaitan kesihatan mental pada lelaki diklasifikasikan oleh empat kelompok berwarna: Kluster 1 (merah) melibatkan kata kunci 'Kemurungan', 'Kebimbangan', 'Gejala Kemurungan', 'PTSD', 'Skizofrenia', 'Psikosis', 'Gangguan Bipolar', 'Insomnia', 'Kesusahan Psikologi', 'Mania'. Kluster 2 (hijau) melibatkan 'HIV', 'Disfungsi Erektile', 'Kanser Prostat', 'Testosteron', 'Neoplasma Prostatik', 'Ejakulasi Pramatang', 'Disfungsi Seksual', 'Kesihatan Seksual', 'Fungsi Seksual', 'Lelaki Minoriti Seksual'. Kluster 3 (biru) pula melibatkan 'Penggunaan Bahan', 'Chemsex', 'Alkohol', 'Methamphetamine', 'Kannabis', 'Marijuana', 'Opioid', 'Heroin', 'Kokain', 'Kratom', 'Trauma'. Dan kluster 4 (kuning) melibatkan 'Kesejahteraan Psikologi dan Emosi', 'Gejala Kemurungan', 'Kebimbangan', 'Kesusahan Psikologi', 'Insomnia', 'Tekanan', 'PTSD', 'Psikologi', 'Emosi', 'Pengawalan Emosi'.

Dalam set data yang dianalisis, terdapat hubungan yang signifikan antara beberapa kata kunci berkaitan kesihatan utama. Secara khusus, kemurungan menunjukkan hubungan yang kuat dengan kesihatan mental dan kegelisahan, dengan 285 dan 244 perkaitan secara berturut-turut. Ini menunjukkan bahawa perbincangan mengenai kemurungan sering berkait rapat dengan pertimbangan yang lebih luas tentang kesihatan mental, termasuk isu-isu seperti kegelisahan. Begitu juga, perkaitan antara kemurungan dan kegelisahan menggariskan hubungan rapat antara dua keprihatinan kesihatan mental ini, mencerminkan presentasi klinikal mereka yang sering berhubung dan simptomatologi yang berkongsi.

Selain itu, kesihatan mental menunjukkan perkaitan yang ketara dengan kualiti hidup, dengan 114 kali kejadian diperhatikan. Ini

menunjukkan bahawa perbincangan mengenai kesihatan mental sering melampaui manifestasi klinikal untuk merangkumi pertimbangan yang lebih luas tentang kebahagiaan dan kepuasan hidup individu. Demikian juga, perkaitan antara COVID-19 dan kesihatan mental, yang diperhatikan sebanyak 127 kali, menonjolkan fokus yang semakin meningkat terhadap kesan psikologi pandemik. Ia menunjukkan usaha bersama dalam kesusasteraan untuk memahami dan menangani kesan mental krisis COVID-19, termasuk tahap kegelisahan, kemurungan dan tekanan yang meningkat.

Selain itu, analisis menunjukkan perkaitan yang signifikan antara kanser prostat dan disfungsi erektil, dengan 120 kejadian direkodkan. Ini menunjukkan fokus penyelidikan tentang hubungan antara kanser prostat dan hasil rawatan, terutamanya berkaitan dengan fungsi seksual dan prevalens disfungsi erektil sebagai kesan sampingan biasa rawatan kanser prostat.

Sebaliknya, walaupun HIV menunjukkan perkaitan yang ketara dengan kesihatan mental (153 kejadian), tidak ada perkaitan yang diperhatikan antara HIV dan bunuh diri. Ini menunjukkan bahawa walaupun literatur membincangkan aspek psikologi HIV/AIDS, terutamanya kesan terhadap kesejahteraan mental, hubungan antara HIV dan bunuh diri mungkin bukan fokus utama kandungan yang dianalisis.

Akhirnya, ketiadaan nilai perkaitan untuk "Laporan Kes" dengan kata kunci lain menunjukkan bahawa ia mungkin mewakili jenis kandungan yang berbeza, seperti kajian kes individu atau laporan klinikal, yang mungkin tidak sering berlaku bersama dengan kandungan tematik yang lebih luas yang dianalisis dalam set data ini. Secara keseluruhan, analisis ini menawarkan pandangan tentang hubungan tematik dan keutamaan penyelidikan dalam kesusasteraan yang dianalisis, mengenal pasti bidang fokus utama dan potensi laluan untuk penyelidikan lanjut.

PERBINCANGAN

Gangguan kesihatan mental termasuk kemurungan, kebimbangan, skizofrenia dan gangguan bipolar kekal sebagai bidang tumpuan utama. Analisis VosViewer menunjukkan bahawa penyelidik pada tahun 2019 hingga 2024

menggunakan “*Depression*” dengan 620 kejadian yang tinggi diikuti dengan “*Mental Health*” dengan 285 kejadian dan “*Anxiety*” dengan 244 kejadian menegaskan keperluan berterusan untuk menangani isu kesihatan mental yang berleluasa ini. Penemuan ini hampir sama dengan aspek yang dikaji pada tahun-tahun sebelumnya yang mana turut tertumpu kepada pertumbuhan penyelidikan berkaitan autisme, kebimbangan, gangguan bipolar, hiperaktif, ingatan dan skizofrenia pada tahun 1980-an (Larivière & Grant 2017). Walau bagaimanapun, kajian mengenai kesihatan mental dalam kalangan lelaki pada tahun-tahun sebelumnya tidak terlalu menjadi keutamaan seperti pada tahun 1992 sehingga tahun 2001. Daripada 3 288 252 penerbitan berkaitan kesihatan yang terdapat dalam pangkalan data *Institute for Scientific Information (ISI)* (1992-2001), hanya 117 449 (3.57%) yang berkaitan dengan kesihatan mental (Saxena et al., 2018). Menurut Jorm et al., 2002 keutamaan kajian diberikan sepenuhnya kepada bidang kajian lain seperti dasar kerajaan, bidang subjek, potensi keuntungan penyelidikan dan sebagainya (Saxena et al., 2018) berbanding bidang kesihatan mental kos penyelidikan hanya diperuntukkan sebanyak 8.9% dan 19.1% pengaruh kesihatan mental kepada penyakit (Saxena et al., 2018). Kesinambungan ini menekankan kaitan berterusan keadaan ini dan keperluan berterusan untuk memahami aspek yang mempengaruhi kesihatan mental dalam kalangan lelaki.

Analisis hasil dapatan mendedahkan peningkatan ketara dalam bilangan penerbitan dari tahun 2019 hingga tahun 2021 dan kemuncaknya adalah pada tahun 2021. Penemuan ini selaras dengan kajian Qu et al. (2023) yang menekankan peningkatan ketara dalam penyelidikan kesihatan mental semasa tempoh pandemik. Peningkatan drastik ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang membawa perhatian global terutamanya dalam aspek isu kesihatan mental. Kajian yang dijalankan oleh Gottert et al., 2021 bertajuk “*Meeting men’s mental health needs during COVID-19 and beyond: a global health imperative*” mendapati bahawa hampir 44% kaum lelaki melaporkan kebimbangan mengenai ketidakamanan makanan dan dua daripada setiap tiga melaporkan kebimbangan mengenai kewangan isi rumah semasa Covid-19 (Gottert et al., 2021). Kesan pandemik membawa kepada peningkatan kesedaran, peningkatan pembiayaan kajian, desakan untuk menangani krisis kesihatan mental yang diburukkan lagi oleh pengasingan sosial, ketidakstabilan ekonomi dan kebimbangan kesihatan. Selepas tahun 2021, analisis penerbitan menunjukkan penurunan yang signifikan mencerminkan kestabilan usaha penyelidikan berlaku apabila kesan wabak Covid-19 berada di tahap terkawal. Penurunan ini mencadangkan peralihan dalam keutamaan kos penyelidikan dan kemungkinan berlaku ketepuan kajian kesihatan mental berkaitan pandemik. Tren yang sama diperhatikan dalam kajian oleh Anders & Vitevitch (2024) yang bertajuk “*The effect of the COVID pandemic on clinical psychology research: A bibliometric analysis*” menunjukkan bahawa kegawatan pandemik yang secara radikal mempengaruhi tumpuan pada penyelidikan kesihatan mental khusus COVID-19. Fasa penstabilan berkemungkinan mencerminkan kembalinya kepada topik penyelidikan prapandemik dan penerokaan isu-isu baru yang baru muncul berkaitan dengan kesihatan mental (Anders & Vitevitch, 2024). Melihat kepada kajian *Mental health, substance use, and suicidal ideation during the COVID-19 pandemic—United States* menunjukkan prevalens kadar kebimbangan kaum lelaki lebih rendah berbanding wanita, tetapi mempunyai kadar prevalens simptom kemurungan dan keinginan untuk membunuh diri yang lebih tinggi (Ellison, et al., 2021). Walau bagaimanapun, kebimbangan dalam kalangan lelaki masih lagi signifikan berdasarkan dapatan kajian prevalens adalah lebih tinggi di kalangan lelaki yang lebih muda dan semakin berkurangan dalam kalangan kumpulan umur yang lebih tua berturut-turut. Sebagai contoh, 44.0% lelaki berumur 18–24

tahun di seluruh dunia melaporkan perasaan cemas, berbanding dengan 22.8% dalam kalangan umur 55 tahun ke atas (Gottert et al., 2021).

Masalah Kesihatan Lelaki

Berdasarkan data yang telah dianalisis, isu kesihatan seksual seperti HIV, disfungsi erektil dan kanser prostat menjadi antara isu yang menyumbang kepada peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan lelaki. Dimana, isu kesihatan seksual seperti HIV muncul dengan kata kunci pengarang yang menonjol sebanyak 156 kejadian, kanser prostat 132 kejadian dan disfungsi erektil 120 kejadian. Manakala penyelidikan yang dibuat terdahulu jarang menangani isu ini, sebaliknya kajian lepas lebih memfokuskan pada keadaan kesihatan mental tertentu tanpa mengambil kira implikasi kesihatan seksual yang lebih meluas. Penyelidikan kata kunci ini dalam kajian menyerlahkan kepentingan untuk memahami bagaimana masalah kesihatan seksual boleh menjejaskan kesejahteraan mental lelaki. Justeru, pentingnya peranan pekerja sosial Kesihatan untuk memahami dan mengatasi stigma dan diskriminasi yang mempengaruhi Kesihatan seksual dan mental lelaki agar tidak memudaratkan atau memperburukkan lagi masalah Kesihatan mental mereka. Tambahan pula kajian Tran et al., (2019) menunjukkan bahawa individu dengan masalah penyakit HIV berisiko untuk melakukan keganasan dan penderaan seksual. Terutama dalam kalangan kelompok yang rentan seperti remaja, lelaki gay atau biseksual, transgender dan pengguna dadah. Selain itu, kemurungan pada individu dengan HIV boleh menyebabkan keadaan penyakit bertambah buruk, ketidakpatuhan terhadap rawatan dan menjejaskan kualiti hidup individu (Tran et al., 2019). Peningkatan kadar jangkitan HIV juga banyak disumbangkan oleh golongan heteroseksual dan golongan homosexual. Kenyataan ini disokong melalui laporan yang dikeluarkan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia (2017) yang menunjukkan bahawa jangkitan HIV secara majoritinya disumbangkan oleh golongan heteroseksual iaitu sebanyak 42 peratus. Laporan ini juga menunjukkan bahawa golongan homosexual dan biseksual penyumbang kedua kepada jangkitan HIV iaitu sebanyak 36 peratus, diikuti dengan mereka yang menyuntik dadah (*injecting drug users*) sebanyak 17 peratus. Seterusnya, Rice et al., (2021) mendapati hubungan yang signifikan antara kebimbangan, kesepian, kemurungan dan gangguan kemarahan dalam kalangan lelaki yang di diagnosis kanser prostat. Penyelidikan tersebut mendapati sekitar 34% mengalami kemurungan, 22.7% mengalami kebimbangan dan 19.1% memiliki kecenderungan untuk mencederakan diri. Selain itu, menurut kajian lain oleh Bennett (2005), Dirksen (2009) dan Couper (2010) melaporkan prevalen pesakit kanser prostat yang mempunyai peningkatan risiko untuk menghadapi masalah mental yang serius termasuk kebimbangan, depressi, penyakit kardiovaskular dan turut berisiko untuk mencederakan diri sendiri mencecah sehingga 20% sehingga 50% bergantung kepada populasi berbeza. Tambahan lagi, lelaki dengan disfungsi seksual iaitu disfungsi ereksi memiliki hubungan ketara dengan Kesihatan psikologi di mana kajian di Malaysia mendapati lelaki dengan disfungsi ereksi memiliki skor kemurungan geriatrik yang tinggi berbanding lelaki tanpa disfungsi ereksi (Tan & Ho, 2012). Menurut Dahril (2017), disfungsi ereksi merupakan ketidakmampuan untuk mencapai atau mempertahankan ereksi yang cukup untuk senggama yang memuaskan. Beberapa etiologi yang dapat menyebabkan terjadinya disfungsi ereksi adalah vaskulogenik, neurogenik, struktur anatomi, hormonal, penggunaan obat, psikogenik dan trauma (Dahril, 2017).

Pengguna Bahan

Melalui hasil data analisis, pengkaji mendapati bahawa penyalahgunaan bahan menjadi salah satu penyumbang kepada masalah kesihatan mental dalam kalangan lelaki. Dimana sebanyak 62 kejadian yang terkumpul dalam kata

kunci pengarang dan termasuk dalam senarai 20 teratas sebagai kata kunci yang digunakan dalam penyelidikan isu ini. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh *Centre for Substance Abuse Treatment* (2013), kajian mendapati bahawa kebanyakan lelaki yang menjalani rawatan gangguan penggunaan bahan secara bersamaan memiliki gangguan mental yang tinggi. Berdasarkan penyelidikan tersebut, lelaki yang mengalami gangguan mental ini cenderung memakai lebih dari satu jenis bahan berbanding wanita. Tambahan pula, kajian mendapati lelaki yang mengalami gangguan ini menunjukkan bahawa mereka kurang mendapatkan rawatan terhadap penyalahgunaan bahan dan gangguan mental. Menurut Addis & Mahalik (2003), lelaki yang mengalami masalah kesihatan termasuklah penyalahgunaan bahan dan gangguan Kesihatan mental lebih cenderung untuk tidak mencari bantuan atau rawatan professional. Hal ini dikaitkan dengan norma maskuliniti yang menyebabkan lelaki merasa malu untuk mencari bantuan mengenai masalah gangguan kesihatan mental.

Sudut Perspektif Pekerja Sosial Perubatan

Dari sudut perspektif pekerja sosial perubatan, tumpuan penyelidikan terhadap kesihatan mental bagi kemurungan dan kebimbangan dalam kalangan lelaki dari 2019 hingga 2024 adalah penting dan selaras dengan isu-isu semasa. Pekerja sosial perubatan memegang tanggungjawab yang besar untuk menghapuskan jurang antara campur tangan klinikal dan sokongan berasaskan komuniti bagi memastikan mereka yang bergelut dengan keadaan ini menerima penjagaan empati dan rawatan secara holistik. Pendekatan antara disiplin untuk memahami kesihatan mental memerlukan kepentingan menangani penentu sosial seperti status sosioekonomi, bangsa dan jantina. Faktor-faktor ini sangat mempengaruhi hasil kesihatan mental dan perlu dipertimbangkan dalam sebarang pelan rawatan yang komprehensif. Pekerja sosial perubatan perlu mahir dalam mengadaptasikan persimpangan kompleks ini, menyokong dasar yang menggalakkan ekuiti kesihatan mental dan menyediakan sokongan yang disasarkan kepada komuniti terpinggir. Komariah et al. (2022) menekankan keperluan untuk campur tangan sensitif budaya, sentimen yang bergema dengan mendalam dengan nilai teras kerja sosial. Selain itu, selaras dengan Etika Pekerja Sosial oleh National Association of Social Worker (NASW) menekankan bahawa pekerja sosial harus menerapkan nilai kerahsiaan, privasi, tidak melakukan diskriminasi dan sebagainya (*United Nations Children's Fund* (UNICEF) Malaysia, 2020) dalam proses membantu atau menjalankan penilaian bersama klien. Satu lagi aspek penting ialah pembangunan pendekatan perubatan peribadi. Penyelidikan terkini semakin tertumpu kepada menyesuaikan campur tangan kesihatan mental kepada keperluan individu berdasarkan faktor genetik, psikologi dan sosial. Peralihan ke arah penjagaan peribadi ini adalah penting untuk meningkatkan hasil rawatan bagi masalah mental khususnya kemurungan dan kebimbangan. Pekerja sosial perubatan memainkan peranan penting dalam proses ini, Dimana profesion ini bertanggungjawab menyediakan penilaian psikososial yang diperlukan dan sistem sokongan yang melengkapkan rawatan perubatan. Dengan memahami keadaan unik setiap individu, pekerja sosial membantu membuat rancangan penjagaan komprehensif yang menangani semua aspek kesejahteraan klien (Gautam et al., 2023). Di samping itu, adalah penting untuk menjalankan implementasi intervensi yang bersesuaian dengan keperluan semasa bagi memastikan masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh klien mampu ditangani secara efektif.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan daripada hasil analisis bibliometrik mengenai penyelidikan kesihatan mental dalam kalangan lelaki bermula dari tahun 2019 hingga tahun 2024 menunjukkan trend yang berkesinambungan dalam penyelidikan. Secara keseluruhannya, sebanyak 4789 dokumen mengenai kesihatan mental dalam

kalangan lelaki telah diambil daripada pangkalan data Scopus dari tahun 2019 hingga tahun 2024. Semasa pandemik COVID-19, bilangan penerbitan mengenai penyelidikan ini menunjukkan trend peningkatan yang menggaris bawah pentingnya menangani krisis kesihatan mental. Namun, setelah tahun 2021 trend penerbitan mengenai penyelidikan ini mengalami penurunan sehingga kini. Oleh itu pentingnya, penyelidikan masa depan untuk terus memfokuskan pada hubungan antara kesihatan mental dan faktor yang menjadi pemicu kepada masalah kesihatan mental lelaki. Di samping itu penyelidikan yang berterusan berkenaan intervensi dan tren Kesihatan mental juga perlu dilaksanakan secara jangka panjang agar pekerja sosial perubatan dapat memberikan intervensi yang berkesan dan terkini untuk memenuhi keperluan klien yang berubah-ubah.

Berdasarkan hasil penelitian kajian, didapati bahawa faktor lain yang kurang disentuh dalam penyelidikan ini adalah punca golongan lelaki enggan mendapatkan rawatan atau bantuan dengan segera kepada pihak professional disebabkan perasaan bimbang dan malu untuk mendapatkan rawatan. Hal ini merangkumi faktor norma masculinity, stigma, dan diskriminasi yang menjadi penghalang lelaki untuk mendapatkan bantuan atau rawatan. Didapati bahawa faktor ini tidak termasuk dalam 10 dan 15 teratas kata kunci kajian yang menunjukkan kurangnya penyelidikan isu ini dalam masalah kesihatan mental lelaki. Justeru, perkara ini disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Health et al., (2017) yang mendapati lelaki yang berkhidmat dalam ketenteraan atau pernah berkhidmat dalam ketenteraan cenderung menghadapi lebih banyak stigma apabila mencari khidmat bantuan kesihatan mental. Hal ini menunjukkan bagaimana norma masculinity dalam budaya ketenteraan menyukarkan lelaki untuk mendapatkan bantuan dan rawatan berkaitan masalah kesihatan mental.

Oleh itu, perlunya sebuah usaha atau penyelidikan untuk mengatasi norma masculinity, stigma, dan diskriminasi yang menjadi penghalang lelaki untuk mendapatkan bantuan atau rawatan. Hal ini termasuklah, memberikan tumpuan kepada pengurangan stigma dan diskriminasi kepada lelaki yang mengalami masalah kesihatan seksual dan isu kesihatan mental. Terutama sekali mengubah persepsi dalam sebuah komuniti dan budaya. Justeru itu, perlunya sebuah penyelidikan yang membahas bagaimana norma masculinity ini mempengaruhi kesihatan mental lelaki dan pengaruhnya terhadap keinginan untuk mencari bantuan. Tambahan pula penyelidikan yang dilakukan oleh Milner & King (2019), juga mencadangkan agar adanya sebuah kempen literasi kesihatan yang mengatasi isu berkaitan norma masculinity, stigma, dan diskriminasi berdasarkan jantina untuk mendapatkan bantuan terutama sekali di kalangan lelaki. Hal ini termasuklah strategi untuk meningkatkan akses lelaki kepada rawatan dan bantuan kesihatan (Milner & King, 2019).

RUJUKAN

- Addis, M. E., & Mahalik, J. R. (2003). Men, masculinity, and the contexts of help seeking. *American Psychologist*, 58(1), 5-14.
- Ahmad P, Alam MK, Jakobovics NS, Schwendicke F, Asif JA. (2019). 100 Years of the journal of dental research: a bibliometric analysis. *J Dent Res* 2019;98:1425e36.
- Anders, J., & Vitevitch, M. S. (2024). The effect of the COVID pandemic on clinical psychology research: A bibliometric analysis. MDPI. Retrieved from <https://www.mdpi.com/2076-328X/14/6/463/pdf>
- Bennett, G. (2005). Depression in men with prostate cancer. *Number 3/2005*, 32(3), 545-556.
- C. Wang, X. Chen, T. Yu, Y. Liu, Y. Jing. (2024). Education Reform and change driven by digital technology: a bibliometric study from a global perspective.

- Humanities & Social Sciences Communications, 11. <https://doi.org/10.1057/s41599-024-02717-y>
- Center for Substance Abuse Treatment. (2013). Working With Specific Populations of Men in Behavioral Health Settings. In *Addressing the Specific Behavioral Health Needs of Men*. Substance Abuse and Mental Health Services Administration (US).
- Clay, J. M., & Parker, M. O. (2020). Alcohol use and misuse during the COVID-19 pandemic: A potential public health crisis?. *The Lancet Public Health*, 5(5), e259.
- Couper, J. W., Love, A. W., Duchesne, G. M., Bloch, S., Macvean, M., Dunai, J. V., ... & Kissane, D. W. (2010). Predictors of psychosocial distress 12 months after diagnosis with early and advanced prostate cancer. *Medical Journal of Australia*, 193, S58-S61.
- Dahril, S. U. (2017). Disfungsi Ereksi. In National symposium & workshop "Aceh Surgery Update (Vol. 2, No. 1, pp. 63-78).
- Dirksen, S. R., Epstein, D. R., & Hoyt, M. A. (2009). Insomnia, depression, and distress among outpatients with prostate cancer. *Applied Nursing Research*, 22(3), 154-158.
- Duncan, L. E., & Keller, M. C. (2020). A critical review of the first 10 years of candidate gene-by-environment interaction research in psychiatry. *American Journal of Psychiatry*, 177(10), 947-964.
- Ellison, J. M., Semlow, A. R., Jaeger, E. C., & Griffith, D. M. (2021). COVID-19 and MENTal Health: Addressing Men's Mental Health Needs in the Digital World. *American journal of men's health*, 15(4), 15579883211030021. <https://doi.org/10.1177/15579883211030021>
- Engel, G. L. (1977). The need for a new medical model: A challenge for biomedicine. *Science*, 196(4286), 129-136.
- Fisher, W. A., Eardley, I., McCabe, M., & Sand, M. (2020). Erectile dysfunction (ED) is a shared sexual concern of couples II: Association of male ED and female sexual dissatisfaction and function with outcomes of ED treatment in men and women receiving sildenafil citrate (Viagra). *Journal of Sexual Medicine*, 6(3), 751-764.
- Fluharty, M., Taylor, A. E., Grabski, M., & Munafò, M. R. (2017). The association of cigarette smoking with depression and anxiety: A systematic review. *Nicotine & Tobacco Research*, 19(1), 3-13.
- Gottert, A., Shattuck, D., Pulerwitz, J., Metron, M., McLarnon, C., Wilkins, J., & Thseng, T. (2021). Meeting men's mental health needs during COVID-19 and beyond: a global health imperative. *BMJ Global Health* 2022;7:e008297. <https://doi.org/10.1136/bmjgh-2021-008297>
- Hammami, N., Lahmar, R., Ben Rejeb, M., & Cheour, M. (2020). Depression and anxiety during the COVID-19 pandemic: Cross-sectional study in a Tunisian sample. *European Psychiatry*, 63(S1), S582.
- Heath, P. J., Seidman, A. J., Vogel, D. L., Cornish, M. A., & Wade, N. G. (2017). Help-seeking stigma among men in the military: The interaction of restrictive emotionality and distress. *Psychology of Men & Masculinity*, 18(3), 193.
- J. Chen, Y. Liu, J. Dai, C. Wang. (2023). Development and status of moral education research: visual analysis based on knowledge graph. *Frontier Psychology*. 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1079955>.
- J. Dai, C. Wang, L. Xu. (2022). Big data and data mining in education: a bibliometrics study from 2010 to 2022. *Proceedings of 2022 7th International Conference on Cloud Computing and Big Data Analytics (ICCCBDA), IEEE*, pp. 507-512.
- Koob, G. F., & Volkow, N. D. (2020). Neurobiology of addiction: A neurocircuitry analysis. *The Lancet Psychiatry*, 7(9), 892-906.
- Krumm, S., Checchia, C., Koesters, M., Kilian, R., Becker, T., & Warschburger, P. (2017). Social stigma: Investigating the role of different levels of stigma in the relationship between depression, quality of life, and social functioning. *Psychiatry Research*, 255, 373-379.
- Larivière, V., & Grant, J. (2017). Bibliometric Analysis of Mental Health Research: 1980--2008. *Rand health quarterly*, 6(2), 12.
- Levant, R. F., & Wimer, D. J. (2021). Masculinity and men's mental health. In Y. J. Wong & C. E. Leong (Eds.), *APA Handbook of Men and Masculinities* (pp. 381-398). American Psychological Association.
- Li, W., Yin, J., Cai, X., & Wang, Y. (2020). Association between sleep duration and quality and depressive symptoms among university students: A cross-sectional study. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0238811>
- Mahalik, J. R., Burns, S. M., & Syzdek, M. (2007). Masculinity and perceived normative health behaviors as predictors of men's health behaviors. *Social Science & Medicine*, 64 (11), 2201-2209.
- Majlis AIDS Malaysia, & Yayasan AIDS Malaysia. (2017). Snapshot of HIV & AIDS in Malaysia 2015. <http://www.mac.org.my/v3/wpcontent/uploads/2017/01/HIV-Overview-2015-Media-Brochure-A4-FA-26052016-web.pdf>
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-396.
- Merigo J.M. & Yang J.-B. (2017). A bibliometric analysis of operations research and management science. *Omega* 73. 37-48. <https://doi.org/10.1016/j.omega.2016.12.004>.
- Milner, A., Shields, M., & King, T. (2019). The influence of masculine norms and mental health on health literacy among men: Evidence from the ten to men study. *American journal of men's health*, 13(5), 1557988319873532.
- Qu, Q., Zhang, X., Huang, C., Meng, G., Lu, Y., & Chang, J. (2023). The 100 top-cited papers on coronavirus disease 19: A bibliometric and visualized analysis. *CABIDigitalLibrary*. Retrieved from <https://www.cabidigitallibrary.org/doi/full/10.5555/20230392667>
- Rice, S. M., Kealy, D., Ogrodniczuk, J. S., Seidler, Z. E., Montaner, G., Chambers, S., & Oliffe, J. L. (2021). The anxiety depression pathway among men following a prostate cancer diagnosis: cross-sectional interactions between anger responses and loneliness. *American journal of men's health*, 15(3), 15579883211023699.
- Saxena, S., & Paraje, G., Sharan P., Karam., G., Sadana., R. (2018). The 10/90 divide in mental health research: Trends over a 10-year Period. *The British Journal of Psychiatry*, *The British Journal of Psychiatry*, Volume 188, Issue 1, January 2006, pp. 81 - 82 DOI: <https://doi.org/10.1192/bjp.bp.105.011221>
- Seidler, Z. E., Dawes, A. J., Rice, S. M., Oliffe, J. L., & Dhillon, H. M. (2016). The role of masculinity in men's help-seeking for depression: A systematic review. *Clinical Psychology Review*, 49, 106-118.
- Singh, B., Olds, T., Curtis, R., Dumuid, D., & Virgara, R. (2023). Effectiveness of physical activity interventions for improving depression, anxiety and distress: An overview of systematic reviews. *British Journal of Sports Medicine*, 57(18), 1203-1213. <https://doi.org/10.1136/bjsports-2022-105489>
- Suttajit, S., & Pilakanta, S., (2011). Prevalence of and factors associated with depression in patients with schizophrenia in a University Hospital: Apost-Hoc

- Tan, H. M., Tong, S. F., & Ho, C. C. (2012). Men's health: Sexual dysfunction, physical, and psychological health—Is there a link?. *The journal of sexual medicine*, 9(3), 663-671.
- Tran, B. X., Ho, R. C., Ho, C. S., Latkin, C. A., Phan, H. T., Ha, G. H., ... & Zhang, M. W. (2019). Depression among patients with HIV/AIDS: research development and effective interventions (GAPRESEARCH). *International journal of environmental research and public health*, 16(10), 1772.
- United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia. (2020). Professional Standards and Ethics for Social Work in Malaysia. Diambil daripada: UNICEF Malaysia
- Addis, M. E., & Mahalik, J. R. (2003). Men, masculinity, and the contexts of help seeking. *American psychologist*, 58(1), 5.
- Vogel, D. L., Wade, N. G., & Hackler, A. H. (2007). Perceived public stigma and the willingness to seek counseling: The mediating roles of self-stigma and attitudes toward counseling. *Journal of Counseling Psychology*, 54(1), 40-50.
- Vreeman, R. C., McCoy, B. M., & Lee, S. (2017). Mental health challenges among adolescents living with HIV. *Journal of the International AIDS Society*, 20, 21497.
- Weston, G., Zilanawala, A., Webb, E., Carvalho, & McMunn, A. (2018). Long work hours, weekend working and depressive symptoms in men and women: findings from a UK population-based study. *Research Department of Epidemiology and Public Health*. <https://doi.org/10.1136/jech-2018-211309>
- World Health Organization. (2018). Mental health: Strengthening our response. Retrieved from <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-strengthening-our-response>
- World Health Organization. (2020). Mental health: Strengthening our response. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-strengthening-our-response>
- World Health Organization. (2021). Suicide worldwide in 2019: Global health estimates. World Health Organization. <https://www.who.int/publications/i/item/9789240026643>
- X. Ding, Z. Yang. (2020). Knowledge mapping of platform research: a visual analysis using VOSviewer and CiteSpace. *Electronic Commerce Research*. 22. 787–809, <https://doi.org/10.1007/s10660-020-09410-7>.
- Y. Jing, C. Wang, C. Yu, H. Wang, Y. Teng, Rustam Shadiev. (2023). Bibliometric mapping techniques in educational technology research: a systematic literature review. *Education of Information Technology*. <https://doi.org/10.1007/s10639-023-12178-6>.